

**UJIAN DIAGNOSTIK 2 SPM 2020
TINGKATAN 5 2020**

PRINSIP PERAKAUNAN

3756/2

Kertas 2

Oktober 2020

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. **Tunjukkan kerja mengira.** *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
8. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan di setiap helaian jawapan yang digunakan untuk menulis jawapan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 36 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1 (a)

The screenshot shows the homepage of the Astro AWANI news website. At the top, there is a navigation bar with links for TERKINI, ENGLISH, MALAYSIA, DUNIA, POLITIK, VIDEO, HIBURAN, and LAIN-LAIN. Below the navigation bar, there is a banner for Shopee's 9.9 SUPER SHOPPING DAY. The main headline reads "Akauntan mengaku tidak bersalah 143 tuduhan pecah amanah". Below this, there is a sub-headline "Pecah amanah: bekas akauntan dipenjara empat tahun". Further down, another article is mentioned with the sub-headline "Dua pekerja pengurusan akaun didakwa pecah amanah".

Berdasarkan keratan akhbar di atas, apakah kod etika yang tidak dipatuhi oleh pengurus tersebut?

[1 markah]

- (b) Dokumen di bawah di ambil dari rekod Restoran Selera Ibu.

ASAL	INVOIS			No : IV234			
KEDAI PERABOT ANTIK, JALAN KOTA LAKSAMANA, 75200 MELAKA							
Tarikh :				19 Februari 2020			
<p>Kepada :</p> <p>Restoran Selera Ibu, Jalan Jati 2, Batu Berendam, 75350 Melaka</p>							
Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)				
Meja Makan	10	450	4 500.00				
Kerusi kayu	40	100	4 000.00				
Rak pameran	4	400	1 600.00				
				10 100.00			
				1 010.00			
				9 090.00			
Tolak diskaun niaga 10%							
Jumlah							
Ringgit: Sembilan Ribu Sembilan Puluh Sahaja							
Syarat : 5% 10 hari, 2% 30 hari							
K&K diK							
<u>Anita</u> (Penerima)			<u>Jamila</u> (Pengurus)				

Anda dikehendaki memindahkan maklumat dokumen di atas ke dalam Buku Catatan Pertama Restoran Selera Ibu.

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah]

- (c) Pengurus Kewangan Syarikat Synergy Sdn Bhd telah membentangkan maklumat di bawah dalam mesyuarat pengurusan.

Tahun	2019
Pulangan atas modal	20%
Modal awal	RM50 000


Berdasarkan maklumat di atas, hitungkan Untung Bersih yang diperoleh perniagaan ini. [2 markah]

- (d) Bilangan ahli Kelab Memanah Jebat adalah seramai 20 orang. Yuran bulanan ahli kelab ialah RM30. Pada 1 Januari 2019, terdapat 2 orang ahli yang belum menjelaskan yuran tahun lepas dan 5 orang ahli telah membuat pembayaran sehingga 31 Januari 2020.

Hitung yuran yang diterima sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2019.

[2 markah]

- (e) Perusahaan Sos Enaq telah menggunakan kaedah graf dalam menganalisis pengeluaran sos cili. Berdasarkan graf di bawah, labelkan maklumat A, B dan C.



[3 markah]

- 2** Kenchana Murni adalah sebuah kilang pelitup muka di Bukit Katil, Melaka yang memulakan operasi perniagaan pada 1 September 2019.

Berikut adalah baki-baki pada 31 Ogos 2020 yang telah diperoleh daripada buku-buku perakaunan Kenchana Murni.

	RM
Tanah dan Bangunan (kos)	60 000
Kenderaan (kos)	41 000
Mesin (kos)	77 000
Angkutan masuk	2 900
Belian Alat-alat kecil	8 550
Belian bahan langsung	131 000
Jualan barang siap	385 174
Pulangan bahan langsung	950
Upah langsung	79 200
Royalti	2 987
Gaji	20 100
Kadar bayaran	10 100
Insurans	4 900
Belanja am	16 500
Belanja penyelenggaraan mesin	13 200
Komisen diterima	2 340
Gaji jurujual	24 000

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Ogos 2020:

	RM
Bahan langsung	19 200
Kerja dalam proses	27 400
Alat-alat kecil	6 100
Barang siap	2 010

- (ii) Belanja-belanja belum bayar pada 31 Ogos 2020:

- Kadar bayaran RM2 420
- Belanja am RM1 220

[Lihat halaman sebelah

- (iii) Sehingga 31 Ogos 2020, insurans telah dibayar terdahulu sebanyak RM100
- (iv) Kadar bayaran dan belanja am diagihkan antara kilang dengan pejabat mengikut nisbah 3 : 1
- (v) Insurans dan gaji dibahagikan antara kilang dengan pejabat pada kadar 4 : 1
- (vi) Mesin disusut nilai pada kadar 10% atas kos dan kenderaan 5% mengikut kaedah baki berkurangan
- (vii) Permintaan terhadap pelitup muka bertambah apabila kerajaan menetapkan pemakaian pelitup adalah wajib berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2020. Oleh itu pihak pengurusan membuat keputusan untuk mengambil pekerja sambilan. Terdapat 5 orang pekerja sambilan yang dibayar upah pada kadar RM5 sejam.

Jam bekerja: 8 jam sehari

Bilangan hari bekerja: 20 hari

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020. [16 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2020. [9 markah]

3(a) Mikail dan Maisarah ialah pekongsi dalam sebuah Perniagaan Pakaian Bundle M&M.

Ikatan Perkongsian mereka telah menetapkan syarat berikut:

- (i) Faeadah atas modal adalah 10% setahun
- (ii) Ambilan oleh pekongsi akan dikenakan faedah 10% setahun
- (iii) Pinjaman oleh pekongsi akan dibayar faedah sebanyak 8% setahun
- (iv) Setiap pekongsi akan dibayar gaji sebanyak RM2 500 setahun
- (v) Pembahagian untung atau rugi adalah sama rata.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perkongsian pada 31 Mac 2020.

	Debit RM	Kredit RM
Akaun Semasa Maisarah	80	
Akaun Semasa Mikail		375
Ambilan :		
Mikail	950	
Maisarah	1 850	
Tunai	800	
Bank	11 500	
Akaun Belum Terima	5 700	
Gaji pekerja	3 550	
Gaji Mikail	1 000	
Gaji Maisarah	2 400	
Kadar bayaran	840	
Alatan pejabat (kos)	4 500	
Kenderaan (kos)	10 000	
Faedah atas pinjaman Maisarah	240	
Inventori pada 31 Mac 2020	5 455	
Pelbagai belanja	4 710	
Modal:		
Mikail	9 000	
Maisarah	11 000	
Untung kasar	12 150	
Akaun Belum Bayar	10 050	
Komisen diterima	670	
Peruntukan hutang ragu	330	
Pinjaman Maisarah (pada 1 April 2019)	6 000	

Maklumat tambahan:

- (i) Komisen belum terima RM125
- (ii) Peruntukan hutang ragu dianggarkan sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos
- (iv) Bonus sebanyak RM900 akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa Mikail

[Lihat halaman sebelah]

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020 [5 markah]
 (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020 [6 markah]
 (c) Akaun Semasa Pekongsi (bentuk beruangan) [7 markah]

3(b) Mikail dan Maisarah mengambil kata sepakat untuk membubarkan Perniagaan Pakaian Bundle M&M pada 1 Julai 2020 kerana perniagaan mereka mengalami kerugian akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19.

Berikut adalah Penyata Kedudukan Kewangan Perniagaan Pakaian Bundle M&M pada 30 Jun 2020.

**Perniagaan Pakaian Bundle M&M
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020**

	RM	RM		RM	RM
Kenderaan	10 000		Modal Mikail		9 000
(-) Susut nilai terkumpul	1 000	9 000	Modal Maisarah		11 000
Alatan pejabat		4 500	Akaun Semasa Mikail	1 250	20 000
Bank		8 000	Akaun Semasa Maisarah	(200)	1 050
Inventori		3 470	Akaun Belum Bayar		3 340
Akaun Belum Terima	5 700		Pinjaman Maisarah		6 000
(-) Peruntukan hutang ragu	280	5 420			30 390
		30 390			

Berikut adalah maklumat pembubaran perkongsian yang dipersetujui oleh Mikail dan Maisarah:

- (i) Maisarah mengambil alih kenderaan pada harga RM8 500
- (ii) Mikail mengambil alih alatan pejabat dengan harga RM3 150
- (iii) Inventori telah dijual RM6 245 manakala RM5 300 diterima daripada Akaun Belum Terima
- (iv) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan sepenuhnya RM3 005
- (v) Pinjaman Maisarah telah dijelaskan sepenuhnya dengan cek
- (vi) Satu bil kadar bayaran sebanyak RM230 telah ditemui semasa pembubaran
- (vii) Kos pembubaran RM390 telah dibayar dengan cek

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi pada tarikh pembubaran.

[7 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a)** Penyata bank bulan Mac 2020 yang diterima oleh Perniagaan Permata KU menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di Buku Tunai. Berikut ialah Buku Tunai dan penyata bank bagi bulan tersebut.

BANK PERWIRA BHD					
Penyata Bank					
Kepada: Perniagaan Permata KU			No Akaun: 954327621098		
			Tarikh: 31 Mac 2020		
Tarikh	Butir	No cek	Debit	Kredit	Baki
Mac 1	Baki b/b				620
	Deposit			4 250	4 870
6	Deposit			950	5 820
	Cek	4300	2 000		3 820
7	Arahan Tetap – sewa		880		2 940
12	Deposit			2 540	5 480
13	Cek	4301	7 130		(1 650)
14	Cek	4297	1 690		(3 340)
15	Deposit			1 520	(1 820)
20	Cek	4302	5 500		(7 320)
21	Deposit			2 000	(5 320)
24	Caj bank		60		(5 380)
25	Cek	4303	4 600		(9 980)
26	Debit terus – Insurans		1 200		(11 180)
31	Dividen – Tamara Bhd			400	(10 780)

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	No Cek	Jumlah
		RM				RM
2020			2020			
Mac 1	Baki b/b	3 180	3	Lengkapan	4300	2 000
3	Jualan	950	10	Belian	4301	7 130
9	Unggul Enterprise	2 540	16	Pemborong Jaya	4302	5 550
13	Jualan	1 520	21	Gedung Anita	4303	4 600
16	Pasar Mini Azizah	2 000	26	Gaji	4304	6 000
27	Kedai Ana Omey	7 332				
29	Wei Wei	580				
31	Baki h/b	7 178				
		<u>25 280</u>				<u>25 280</u>

[Lihat halaman sebelah

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang dibankkan pada 27 Mac telah dipulangkan oleh bank dengan catatan “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (ii) Cek bernombor 4302 telah dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemaskini Buku Tunai pada 31 Mac 2020. [10 markah]

- 4 (b)** Pada 3 Januari 2020 Syarikat Santai Berhad telah menerbitkan 1 500 000 unit 7% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada RM1.50 sesyer.

Pada tarikh tutup permohonan 20 Januari 2020, semua Syer Keutamaan telah dilanggan dan dibayar penuh manakala jumlah wang yang diterima bagi Syer Biasa ialah $\frac{2}{3}$ daripada jumlah diterbitkan. Wang kurangan langganan Syer Biasa ini ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 28 Januari 2020.

Anda dikehendaki:

- (i) menghitung modal diterbitkan bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [4 markah]
- (ii) merekod terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan). [6 markah]

- 5** Naim Daniel menubuhkan sebuah perniagaan menjual perabot di Masjid Tanah, Melaka. Imbangan Duga berikut telah diperoleh daripada buku-buku kewangan Pusat Perabot Naim pada 30 September 2020.

Pusat Perabot Naim
Imbangan Duga pada 30 September 2020

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	27 600	20 150
Inventori 1 Oktober 2019	30 300	
Alatan pejabat	26 000	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		4 000
Kenderaan	47 500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		8 000
Modal 1 Oktober 2019		54 180
Belian dan Jualan	60 200	135 510
Pulangan	1 640	1 300
Gaji	41 850	
Ambilan	6 000	
Tunai	1 680	
Bank		5 250
Insurans	2 600	
Sewa	5 500	
Hutang lapuk	400	
Komisen		380
Pinjaman 7% (matang pada 31 Disember 2020)		25 000
Deposit Sewa	2 500	
	<hr/> <u>253 770</u>	<hr/> <u>253 770</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 September 2020 dinilaikan RM20 630 pada harga kos dan RM28 060 pada harga pasaran.
- (ii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:
 - Alatan pejabat disusutnilaikan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
 - Kenderaan disusutnilai menggunakan kaedah garis lurus. Kenderaan dijangka digunakan dalam tempoh 5 tahun dengan nilai skrap RM7 500.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun berakhir 31 Disember 2020.
- (iv) Ambilan barang niaga RM1 400 oleh pemilik untuk promosi perniagaan belum direkod dalam mana-mana buku.

- (v) Nota Debit berikut baru diterima dan belum direkod dalam mana-mana buku.

SALINAN	NO : 348																									
NOTA DEBIT PUSAT PERABOT NAIM, Jln MT 2, Masjid Tanah, 78300 Melaka.																										
Kepada: Kedai Perabot Impian, No 34 & 35, Jln Batu Berendam 75350 Melaka.	Tarikh: 29 September 2020																									
Akaun tuan/puan akan didebitkan seperti berikut :																										
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Bil</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Butiran</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Kuantiti</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Harga seunit (RM)</th> <th style="text-align: center; padding: 2px;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 2px;">1.</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">Kerusi Merah</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">100</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">30.00</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">3 000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding: 2px;">Tolak: Diskaun niaga 20%</td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">600.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding: 2px;"></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">JUMLAH</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right; padding: 2px;"></td> <td style="text-align: center; padding: 2px;">2 400.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)	1.	Kerusi Merah	100	30.00	3 000.00	Tolak: Diskaun niaga 20%				600.00					JUMLAH					2 400.00
Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit (RM)	Jumlah (RM)																						
1.	Kerusi Merah	100	30.00	3 000.00																						
Tolak: Diskaun niaga 20%				600.00																						
				JUMLAH																						
				2 400.00																						
Ringgit Malaysia: Dua ribu empat ratus sahaja. <i>Naim Daniel</i> Pengurus																										

- (vi) Peruntukan hutang rugu adalah 3% atas Akaun Belum Terima

Berdasarkan maklumat tambahan di atas, **anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2020. [11 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2020. [9 markah]

- 6(a)** Encik Faizal menjalankan perniagaan Pasaraya Faizal di Bandar Melaka. Pada akhir tahun 2018, pasaraya tersebut terbakar disebabkan oleh litar pintas. Kebanyakan buku-buku perakaunannya telah musnah.

Maklumat berikut diperoleh daripada buku catatannya yang masih terselamat.

	1 Januari 2019 RM	31 Disember 2019 RM
Premis (kos)	250 000	250 000
Lengkapan (kos)	36 500	?
Bank	1 500 (kt)	5 200
Tunai	910	2 340
Inventori	8 940	28 750
Akaun Belum Bayar	6 520	3 480
Akaun Belum Terima	6 260	8 120
Insurans prabayar	-	660
Susut nilai terkumpul lengkapan	2 500	?
Kadar bayaran belum bayar	390	430
Sewa diterima belum terperoleh	900	-

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 April 2019, pemilik telah membeli lengkapan RM2 600 menggunakan wang peribadi untuk dibawa masuk ke dalam perniagaan. Kadar susut nilai lengkapan ditetapkan pada 10% setahun mengikut kaedah garis lurus. Susut nilai dikira setahun penuh pada tahun pembelian.
- (ii) Seorang penghutang diisyiharkan muflis. Hutangnya bernilai RM620 telah dihapus kira. Urus niaga ini belum lagi direkodkan.
- (iii) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 5% daripada Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Encik Faizal mengambil barang niaga RM240 sebulan untuk kegunaan peribadi.
- (v) Dua Nota Kredit yang diterima berjumlah RM1 450 telah dijumpai, dan masih belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Pasaraya Faizal telah menyewa sebuah van bermula 1 Julai 2019 pada kadar RM300 sebulan. Sehingga akhir tempoh perakaunan, perniagaan itu telah membayar sebanyak RM1 300.
- (vii) Pada 31 Disember 2019, pemilik telah memasukkan tunai RM2 300 ke dalam bank untuk menambah modal.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2019. [7 markah]
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. [5 markah]

[Lihat halaman sebelah

- 6(b)** Kedai Serbaneka Jaya beroperasi di Pekan Asahan. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Serbaneka Jaya pada 30 Jun 2020.

	1 Januari 2020 RM	30 Jun 2020 RM
Sewa prabayar	900	-
Komisen belum terperoleh	1 000	4 000

Maklumat tambahan:

- (i) Kedai Serbaneka membayar sewa bulanan RM900 dengan cek.
- (ii) Komisen yang telah diterima berjumlah RM20 000 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan akaun-akaun berkenaan pada 30 Jun 2020.

- (a) Akaun Sewa [2 markah]
- (b) Akaun Sewa prabayar [1 markah]
- (c) Akaun Komisen diterima [3 markah]
- (d) Akaun Komisen belum terperoleh [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

*Untuk Kegunaan Pemeriksa***Kod Pemeriksa:**

Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah			

HALAMAN KOSONG

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>												
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>							
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

LEJAR

<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							
<input type="text"/>							

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>								
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

LEJAR

SULIT

23

3756/2

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>							
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

JURNAL

[Lihat halaman sebelah
SULIT

3756/2

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

JURNAL

[Lihat halaman sebelah
SULIT

NO KAD PENGENALAN

<input type="text"/>											
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

ANGKA GILIRAN

<input type="text"/>							
----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------	----------------------

JURNAL

*[Lihat halaman sebelah***SULIT**

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

JURNAL

NO KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

JURNAL

[Lihat halaman sebelah
SULIT

